

01 NOV 1997

Mahathir-Lawat (Bergambar)

G15: MAHATHIR LUANG MASA LAWAT PAMERAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa selama dua setengah jam melawat 144 pavilion yang mempamerkan pelbagai barangan dan perkhidmatan daripada sektor awam dan swasta negara-negara G15.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali.

Beberapa orang menteri perdagangan dan ekonomi G15 turut melawat ke Pameran Perdagangan G15 dan Pameran Barangan Malaysia '97 itu yang diadakan bersempena Sidang Puncak Ketua-ketua Negara G15 yang bermula Isnin ini.

Pavilion pertama yang dilawati Dr Mahathir serta rombongan itu ialah khemah masyarakat nomad Algeria.

Beliau turut menikmati teh hijau Algeria yang dicampur daun pudina kering, yang merupakan tradisi rakyat Algeria ketika menerima tetamu di rumah mereka.

Pameran selama lima hari itu dibuka secara percuma kepada orang ramai.

Antara barangan yang dipamerkan ialah makanan yang diproses, barangan kimia, pakaian, kosmetik, peralatan perindustrian dan telekomunikasi serta peralatan dan komponen automotif.

Malaysia diwakili lapan syarikat yang mempunyai operasi di negara-negara G15.

Syarikat-syarikat itu termasuk Petronas, Business Focus Sdn Bhd, Berjaya Group Berhad, Guthrie Malaysia Trading Corporation Sdn Bhd dan Johor Corporation.

Selain itu, pavilion Malaysia juga mempamerkan pelbagai projek pembangunan negara seperti Koridor Raya Multimedia, Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, secara maya dan melalui gambar-gambar serta kiosk penerangan yang inovatif. -- BERNAMA

RA AKD